



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

30 PERATUS WANITA PERLU DILIBATKAN DALAM PARTI POLITIK DAN KEPIMPINAN UNTUK MERAPATKAN JURANG GENDER DALAM PENGUASAAN POLITIK

KUALA LUMPUR, 5 Oktober – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) dan *Council of Malaysian Women Political Leaders* (COMWEL) menggesa agar penyertaan wanita ditingkatkan sekurang-kurangnya 30% di dalam politik dan kepimpinan termasuk sebagai calon pilihanraya. Saranan ini dibuat sebagai hasil rumusan forum Kepimpinan Wanita anjuran KPWKM dengan kerjasama NCWO yang berlangsung di Royal Lake Club di sini hari ini. Selain membawa suara lebih 200 NGO wanita, Forum itu turut disertai pemimpin-pemimpin parti politik Malaysia termasuk wakil BERSATU, Barisan Nasional (BN), PAS, PKR, AMANAH dan lain-lain lagi.

Gesaan ini turut dibuat untuk merapatkan jurang gender di Malaysia seterusnya memperbaiki kedudukan Malaysia yang berada di tangga ke-103 dengan skor 0.681 (Skor penuh ialah 1.000 untuk mencapai kesaksamaan gender) daripada keseluruhan 146 negara yang tersenarai di dalam *Global Gender Gap Index 2022* oleh *World Economic Forum* (WEF) yang diterbitkan pada Julai 2022. Malaysia perlu berusaha meningkatkan penglibatan wanita dalam arena politik negara kerana skor dalam sub-indeks penguasaan politik yang secara konsisten mencatatkan skor terendah iaitu 0.072 pada tahun 2018 hinggalah 0.102 pada tahun 2022 (5 tahun) berbanding sub-indeks lain. Untuk rekod, Malaysia berada pada tangga ke-123 dunia di dalam sub-bidang penguasaan politik.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya melalui KPWKM untuk memperkasakan wanita yang membentuk hampir separuh daripada 32.4 juta populasi negara ini antaranya seperti program Wanita Bangkit@KPWKM, Skuad Waja, My Kasih Kapital, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT), Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita, geran penubuhan TASKA, mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat tersenarai awam, dan pelantikan *Gender Focal Team* (GFT) bagi menyediakan sistem sokongan dan meningkatkan penyertaan wanita di dalam pelbagai bidang.

“Saya berbangga dengan kejayaan yang telah dikecapi oleh wanita Malaysia dalam pelbagai bidang dan menghargai pengiktirafan daripada semua pihak yang mempercayai kewibawaan wanita di tampuk kepimpinan dan sebagai pembuat keputusan. Malaysia telah melantik wanita sebagai Ketua Hakim Negara, Gabenor Bank Negara, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi Negara” ujar YB Datuk Seri Rina dalam ucapannya semasa merasmikan Forum Kepimpinan Wanita Dalam Politik.

Tambah YB Rina, ” Semua pemimpin parti politik tanpa mengira kerajaan atau pembangkang perlu memberi perhatian dan prihatin tentang isu penglibatan golongan wanita dalam politik. Apa yang diharapkan pada pilihanraya akan datang, calon wanita perlu diramaikan dan diberikan jawatan kepimpinan.”

Justeru itu, KPWKM komited untuk meneruskan usaha mengarusperdana gender bagi mengoptimumkan potensi wanita-wanita di Malaysia supaya penyertaan mereka boleh menyumbang kepada tadbir urus organisasi yang lebih baik. Penglibatan lebih ramai wanita juga mampu menyuntik diversiti

dalam kepimpinan dan pentadbiran negara untuk memenuhi hasrat merapatkan jurang gender di Malaysia.

Adalah diharapkan pandangan yang diketengahkan dalam forum ini akan melakar pembaharuan dengan sokongan 'political will' serta menggesa setiap kepimpinan parti politik menjalankan tanggungjawab mereka dalam merapatkan jurang gender di dalam penguasaan politik negara.

###